



TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

**YBRS. DR. NOR PA'IZA BIN MOHD HASAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(PROGRAM PERKHIDMATAN TEKNIKAL)
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**BENGKEL SEMAKAN PENCAPAIAN
PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA (PSPNM) 2021–2025
DAN FORMULASI PSPNM 2026–2030**

DI DEWAN TUN DR. ISMAIL (DTI)

TARIKH:

4 OGOS 2026 (SELASA)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

Terima kasih saudara pengacara majlis.

Yang Berusaha Dr. Muhammad Rawi bin Mohamed Zin

Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia

merangkap Ketua Pegawai Digital (CDO) Agensi Nuklear Malaysia

Yang Berusaha Dr. Mohamad Safuan bin Sulaiman

Pengurus Pusat Teknologi Maklumat

merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bengkel Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan Nuklear Malaysia 2026–2030

Yang Berusaha Puan Suraya binti Mohkilisan dan Puan Azeleen binti Mohd Razali

Pegawai Perunding Pengurusan Strategik ICT

Jabatan Digital Negara (JDN)

Yang Berusaha Encik Wan Mohamad Asiff bin Wan Draman

Pegawai Pemerhati Pelan Strategik Pendigitalan dari MOSTI

Pengarah-pengarah bahagian, pengurus-pengurus, para penceramah, fasilitator, urus setia serta tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dapat berhimpun dalam **Bengkel Semakan Pencapaian PSPNM 2021–2025** dan **Formulasi PSPNM 2026–2030** pada pagi ini.

Bagi pihak Jawatankuasa Pembangunan PSPNM 2026–2030, saya mengalu-alukan kehadiran semua peserta, penceramah, fasilitator serta wakil daripada MOSTI dan Jabatan Digital Negara. Terima kasih atas kesudian tuan-tuan dan puan-puan meluangkan masa, berkongsi kepakaran dan bersama-sama menjayakan bengkel ini.

TUJUAN BENGKEL

Hadirin yang dihormati sekalian,

Bengkel selama tiga hari ini menghimpunkan wakil pelbagai bahagian dan bidang kepakaran untuk menilai pencapaian pelan terdahulu serta membentuk hala tuju pendigitalan Nuklear Malaysia bagi tempoh 2026 hingga 2030. Kita akan meneliti apa yang telah dicapai, mengenal pasti jurang dan keperluan semasa serta menyusun program yang bersesuaian, berkeutamaan dan boleh dilaksanakan.

Usaha ini penting kerana pendigitalan bukan lagi sekadar penyediaan sistem atau infrastruktur teknologi maklumat. Pendigitalan perlu membantu agensi memperkemas proses kerja, memanfaatkan data dengan lebih baik, memperkukuh keselamatan, mempercepat penyampaian perkhidmatan dan meningkatkan pengalaman pelanggan. Ia juga mesti menyokong fungsi penyelidikan, khidmat teknikal, latihan, pengkomersialan dan pengurusan pengetahuan Nuklear Malaysia.

Formulasi PSPNM 2026–2030 turut perlu disejajarkan dengan Wawasan Nuklear Malaysia 2030, Dasar Teknologi Nuklear Negara 2030, Rancangan Malaysia Ketiga Belas, Hala Tuju Pendigitalan Sektor Awam serta Garis Panduan PerSPSA. Penyelarasan ini akan memastikan setiap inisiatif yang dicadangkan mempunyai hubungan yang jelas dengan mandat agensi dan selaras keutamaan kerajaan.

HARAPAN KEPADA PESERTA

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya berharap semua peserta dapat mengambil bahagian secara aktif, terbuka dan berkongsi pengalaman serta idea. Gunakanlah ruang bengkel ini untuk membawa pandangan bahagian masing-masing, menjelaskan cabaran sebenar dan mengenal pasti peluang kerjasama. Perbezaan pandangan perlu kita manfaatkan untuk menghasilkan keputusan yang lebih kukuh.

Pada akhir bengkel, kita menyasarkan satu set hala tuju strategik, program pendigitalan, keutamaan, anggaran kos dan pelan pelaksanaan yang dipersetujui bersama. Yang lebih penting, setiap bahagian perlu mempunyai rasa pemilikan terhadap pelan ini kerana kejayaan transformasi digital memerlukan komitmen seluruh organisasi.

PENUTUP

Saya merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Agensi Nuklear Malaysia atas sokongan yang diberikan, kepada para penceramah dan fasilitator atas kesediaan membimbing serta kepada seluruh jawatankuasa dan urus setia yang telah membuat persediaan bagi bengkel ini.

Saya ucapkan selamat berbengkel. Semoga perbincangan sepanjang tiga hari ini berjalan lancar, produktif dan menghasilkan PSPNM 2026–2030 yang praktikal serta berimpak tinggi.

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.